

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 DISEMBER 2022
AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1 & 3

Kaji punca ayam mahal

Cadangan menteri kurangkan pembelian terlalu mudah, sabotaj penternak yang 'nazak'

Kaji punca ayam mahal

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Cadangan menteri supaya rakyat tidak membeli barangan keperluan yang naik harga termasuk ayam tidak akan dapat menyelesaikan masalah bekalan makanan itu.

Ini kerana faktor yang me-

nyumbang kepada kenaikan harga barangan yang sedang berlaku ini bukan disebabkan oleh peningkatan permintaan tetapi mungkin berpunca daripada kekurangan bekalan.

Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia (Minda) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Tan Sri Dr. Noor Azlan

Ghazali berkata, kenyataan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli agar kenaikan harga dibendung melalui penurunan permintaan adalah kenyataan yang terlalu mudah dan bukannya satu penyelesaian.

Justeru, kata beliau, logik ekonomi amat penting dan diperlukan dalam menangani masalah dan cabaran ekonomi

dalam membentuk polisi dan tindakan yang akan diambil kerajaan.

"Adalah tidak wajar mengharapkan kumpulan berpendapatan rendah bertindak menurunkan permintaan sebagai langkah mengekang kenaikan harga. Intervensi untuk meningkatkan keanjalan permintaan kumpulan berpendapatan ren-

dah? Ini tidak betul dan tidak wajar.

"Penurunan permintaan sebagai langkah mengekang kenaikan harga yang kita alami terlalu mudah. Ia seolah menggambarkan penurunan permintaan adalah antara penyelesaian kenaikan harga.

Bersambung di muka 3

Kaji punca ayam mahal

Dari muka 1

"Dalam kes yang ekstrem, adakah tiada permintaan langsung merupakan langkah efektif membendung kenaikan harga? Ini bukan penyelesaian," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, Rafizi dilaporkan berkata, pengguna perlu berperanan menjadikan penawaran dan permintaan terhadap barangan lebih anjal, termasuk dengan tidak membeli produk yang dijual pada harga lebih mahal berbanding sebelum ini.

Jelas Menteri Ekonomi itu, jika pengguna tidak membeli atau menggunakan produk yang menawarkan harga yang tidak berpatutan, ia akan memberi gambaran kepada peniaga dan pembekal untuk tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan.

Sebaliknya, Noor Azlan berkata, satu kajian terperinci perlu dilakukan bagi mengetahui punca menyebabkan kenaikan harga, bukannya kesan akibat situasi itu.

"Apakah faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga makanan sejak kebelakangan ini? Pastinya peningkatan harga bukan disebabkan oleh peningkatan permintaan. Permintaan stabil dan tiada lonjakan akibat musim perayaan. Besar kemungkinan ia berpunca daripada kekurangan bekalan.

"Dengan kadar pengeluaran sendiri pengeluaran ayam dan telur ayam mencecah 104 peratus dan 115 peratus, adalah jelas kenaikan harga ayam dan telur ayam adalah berpunca daripada bekalan. Bekalan kurang disebabkan oleh pe-

ngurangan pengeluaran oleh pengeluar tempatan ataupun bekalan diekspor ke pasaran yang lebih menguntungkan," jelas beliau.

Sementara itu, satu sumber industri ternakan ayam daging di wilayah utara yang dihubungi berkata, ayam adalah protein paling murah yang mampu dijadikan hidangan lengkap seisi keluarga sepanjang hari.

Justeru, kata sumber itu, kenyataan meminta agar orang ramai mengurangkan makan ayam bagi merendahkan harga pasaran seolah-olah mahu merendahkan lagi taraf rakyat, sedangkan kerajaan tidak menyediakan alternatif lain bagi menggantikan sumber protein selain yang dibekalkan oleh ayam.

"Sepatutnya, sebelum kenyataan sensitif itu dikeluarkan, kaji dahulu latar belakang

industri.

"Sekilogram ayam, harganya RM9.40. Ayam di pasaran beratnya kira-kira dua kilogram seekor. Dengan saiz sebegitu, ia boleh membekalkan protein lengkap bagi seisi keluarga dari pagi sampai malam.

"Misalnya, waktu pagi, bahagian dada ayam boleh dicincang dan dibuat renciah nasi goreng. Kemudian tengah hari, paha dan kepek ayam boleh digoreng dibuat lauk. Waktu malam pula, bahagian atas paha boleh dibuat renciah mi goreng," katanya.

Sumber sama turut mempersoalkan kenyataan kerajaan itu dengan bertanya adakah sumber protein itu boleh digantikan dengan ikan, sedangkan harga ikan yang mahal selain tidak boleh dijadikan menu seharian seperti ayam.